

'Para perwakilan telah mengundi dengan bijak'

3 Naib Prsiden boleh bekerjasama - Mahathir


UM 2 DEC 1990

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin ketiga-tiga Naib Presiden yang telah terpilih semalam akan dapat bekerjasama sebagai satu pasukan untuk kepentingan parti.

Beliau meminta mereka mengeneikan segala prasangka semasa berkempen dahulu dan bersama-sama bekerja dengan barisan baru Majlis Tertinggi (MT) UMNO untuk masa depan parti.

Katanya, walaupun ada sedikit sebanyak tuduh menuduh, tetapi ia tidaklah begitu buruk sehingga mereka tidak boleh berbaik-baik.

"Saya yakin UMNO akan rapat semula selepas ini dan mereka yang kalah pula akan memberi sokongan kepada yang



menang."

"Dan saya juga berpendapat para perwakilan telah mengundi dengan bijak," kata Dato' Sri

Dr. Mahathir kepada para wartawan apabila diminta pandangannya mengenai hasil keputusan pertandingan Naib Presiden dan anggota Majlis Tertinggi.

Dalam pertandingan merebut jawatan Naib Presiden semalam, Dato' Sri Anwar Ibrahim, Dato' Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Sri Sanusi Junid berjaya mengalahkan Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Kepada satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir menolak kemungkinan kabinetnya akan dirombak ekoran keputusan pertandingan kerusi Naib Presiden dan Majlis Tertinggi.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menegaskan, kemenangan Dato'

Sri Anwar, Dato' Abdullah dan Datuk Sri Sanusi tidak harus dilihat sebagai satu kombinasi pemimpin utara.

Katanya, ini adalah satu kebetulan sahaja dan semua orang tidak boleh berkata, mesti ada calon dari selatan atau utara atau sebaliknya tetapi apa yang lebih penting ialah mereka telah dianggap oleh perwakilan sebagai pemimpin UMNO di peringkat nasional.

"Saya sebenarnya berpendapat, perwakilan UMNO memang bijak membuat keputusan jika mereka tidak diganggu. Mereka telah memberi pertimbangan kepada yang lama dan yang baru dan mereka dapat mengenalpasti bakat-bakat baru dan memberi peluang untuk menunjukkan kebolehan masing-masing.

"Bagaimanapun, pada masa yang sama mereka berhati-hati agar ia tidak terlalu ramai kerana mereka juga mahu mengekalkan muka-muka lama.

"Ini dapat kita lihat apabila masih ramai muka lama dikedikkan dan pada masa yang sama yang baru pula ditambah," katanya.

Menurut beliau, itulah yang dikatakan cara UMNO, iaitu jika para perwakilan tidak diganggu dan dihasut, mereka akan memilih dengan bijak.

Tetapi, katanya jika mereka diganggu dengan cara-cara yang tidak sihat, ahli-ahli mungkin akan terkeliru dan membuat keputusan yang tidak baik dan tidak begitu tepat.

Bagaimanapun katanya, tahun ini para perwakilan telah membuat keputusan yang baik dan "saya mengucapkan tahniah kepada semua perwakilan."

Ditanya tentang ketiadaan seorangpun "wakil" Menteri Besar dalam barisan Naib Presiden kali ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, dalam UMNO tidak ada wakil mana-mana pihak.

Beliau berkata, pemimpin UMNO dianggap sebagai pemimpin kepada semua orang UMNO sama ada mereka Menteri Besar, orang yang tidak ada jawatan dalam kerajaan atau yang ada jawatan itu dan datang dari utara atau selatan.

Beliau berkata, sama ada mereka datang dari negeri mana atau golongan mana adalah tidak penting tetapi yang penting ialah selagi mereka diberi kepercayaan penuh oleh para perwakilan bermakna mereka adalah pemimpin UMNO di peringkat nasional.

"Daripada tepukan yang kita dengar tadi nampaknya semua menerima dengan hati yang terbuka akan keputusan yang telah dibuat semalam," katanya.